

24/01/1997

810 sekolah dapat komputer

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno akan menyalurkan bantuan komputer kepada 810 sekolah di kawasan luar bandar di bawah program celik komputer, kata ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, setiap satu daripada 165 bahagian Umno akan membekalkan komputer dan beberapa peralatan lain kepada dua buah sekolah termundur di bahagian masing-masing.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Hompej Pemuda Umno di sini hari ini, beliau berkata cadangan itu sudah mendapat persetujuan daripada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, pada masa yang sama program celik komputer itu juga membabitkan penyaluran maklumat kepada pentadbiran Umno di peringkat bahagian melalui hompej Pemuda yang dilancarkan itu.

Hompej itu adalah yang pertama menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dan mengandungi segala maklumat berkaitan Pemuda Umno, termasuk sejarah dan aktiviti pergerakan itu.

Hompej yang boleh didapati melalui Umno Youthweb <http://www.umnoyouth.org.my> itu juga akan menjadi sebahagian daripada hompej induk Umno sedia ada.

Di majlis berkenaan Zahid turut menyampaikan bantuan Hari Raya Puasa kepada 60 anak yatim Wilayah Persekutuan serta meraikan mereka dalam majlis berbuka puasa anjuran Bank Simpanan Nasional (BSN).

Beliau berkata, pelancaran hompej ini sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat negara ini bersedia menghadapi era maklumat dan menterjemahkan fungsi Koridor Raya Multimedia (MSC), termasuk kad pintar dan kerajaan elektronik.

"Hompej ini yang mengambil masa dua minggu untuk disiapkan menunjukkan semangat dan kualiti kepemimpinan yang ada dalam usaha menjadikan Pemuda sebagai pemangkin gerakan reformasi negara," katanya.

(END)